

CLAMENTIN FILM COATED TABLET 625MG

Amoxycillin /Clavulanic Acid (625mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG
2. Bagaimana CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG berfungsi.
3. Sebelum menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG
4. Cara menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG
5. Semasa menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG

CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG digunakan untuk rawatan jangka masa pendek untuk jangkitan bakteria pada saluran pernafasan, saluran kencing, kulit dan tisu lembut, tulang dan sendi serta pergigian.

Doktor anda mungkin memberikan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG untuk sebab yang lain. Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengapa CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG diberikan kepada anda.

Bagaimana CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG berfungsi

CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG mengandungi bahan aktif Amoxycillin/Clavulanic Acid. Ubat ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG jika:

- anda mempunyai reaksi alahan terhadap penicillin atau jenis antibiotik yang sama (seperti cephalosporins) atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG. Bahan-bahan kandungan

disenaraikan di akhir risalah ini. Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk ruam kulit, gatal-gatal, kesukaran penafasan dan pembengkakan muka atau lidah.

- anda pernah mengalami masalah hati selepas menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG atau antibiotik penicillin yang lain.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- anda pernah mengalami alahan (seperti ruam) terhadap antibiotik seperti penicillin atau sebarang bahan pada masa yang lepas.
- anda alahan terhadap makanan, pewarna, pengawet atau mana-mana ubat yang lain.
- anda pernah mengalami masalah hati selepas menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG atau ubat yang lain.
- anda mempunyai demam kelenjar (mononukleosis).
- anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

Mengandung atau menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG jika anda hamil, merancang untuk hamil, menyusukan anak atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG terhadap manfaat yang diharapkan terhadap anda.

CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG tidak digalakkan untuk penggunaan kanak-kanak 12 tahun dan ke bawah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubat yang digunakan bersama CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG mungkin menyebabkan interaksi sesama sendiri. Ini termasuk:

- terapi antikoagulan, ubat untuk kesan penipisan darah.

- pil pencegah kehamilan.
- probenecid, ubat untuk gout.
- allopurinol, ubat untuk gout.

Doktor anda atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun

Ringan - jangkitan sederhana:

Satu tablet CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG dua kali sehari.

Doktor anda mungkin memberikan dos yang rendah kepada anda, jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor anda atau ahli farmasi dengan berhati-hati. Ianya mungkin berbeza dengan informasi yang terdapat dalam risalah ini. Jika anda tidak faham mengenai arahan yang terdapat dalam label, sila rujuk doktor anda atau ahli farmasi untuk bantuan.

- Bila perlu digunakan

Ikut seperti arahan doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan berhenti menggunakan ubat walaupun anda merasa sihat selepas beberapa hari, melainkan jika dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak sembuh sepenuhnya jika anda berhenti menggunakan ubat ini terlalu cepat.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan tablet yang berlebihan mungkin mengakibatkan sindrom gastrousus dan gangguan kepada keseimbangan bendalir atau elektrolit.

Semasa menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil dan merancang untuk menyusukan anak semasa menggunakan ubat ini.

Dapatkan nasihat doktor anda atau ahli farmasi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jika anda mengalami masalah cirit-birit yang teruk, maklumkan kepada doktor anda atau ahli farmasi dengan segera.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu atau mengendalikan jentera

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG boleh menyebabkan kesan sampingan gastrousus seperti cirit-birit, ketidakhadaman, loya dan muntah. Ia boleh memberi kesan kepada hematologikal (masalah darah) seperti *thrombocytopenia*, *haemolytic anemia*, dan menyebabkan tindak balas hipersensitiviti seperti gatal-gatal dan ruam *erythematous*, reaksi alahan yang teruk seperti sindrom *Stevens-Johnson*, *toxic epidermal necrolysis* dan *exfoliative dermatitis*. Ia juga mengakibatkan hiperaktiviti, pening, sakit kepala dan *phlebitis* (keradangan pada urat).

Seperti ubat-ubat yang lain, CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain selepas menggunakan ubat ini.

Berhenti mengambil CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG dan segera hubungi doktor anda jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

Reaksi alergi yang serius seperti Reaksi Dadah dengan Eosinophilia dan Gejala Sistemik (DRESS). KERING muncul pada mulanya sebagai gejala seperti selesema dengan ruam pada muka dan kemudian dengan ruam lanjutan, suhu tinggi dan kelenjar getah bening yang diperbesarkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.


- Pelupusan

CLAMENTIN F.C. TABLET 625MG perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila rujuk doktor dan ahli farmasi tentang cara pelupusan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet elips berwarna putih, dengan satu permukaan bertulis "YSP 3"



- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Amoxicillin Trihydrate
Clavulanate Potassium

- Bahan tidak aktif:

Cellulose
Magnesium Stearate
Silicon Dioxide
Sodium Starch Glycolate
Titanium Dioxide
Triethyl Citrate
Methylene Chloride

- Nombor MAL

MAL07124630AZ

Pengilang

Yung Shin Pharmaceutical Ind. Co., Ltd.
(Taichung Youth Factory III)
No. 26 Kung Liu Rd. Youth Industrial District, Taichia, Taichung, Taiwan, R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produ

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru, Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/09/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200909/515